

Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 – 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Oleh sebab jalan ke kampung ibu _____, ayah memandu kereta dengan berhati-hati.
A berpusu-pusu C berbalik-balik
B berliku-liku D berapat-rapat
- Sorakan para penyokong kedua-dua pasukan bola sepak itu menjadikan suasana di stadium _____.
A huru-hara C hingar-bingar
B kacau-bilau D kucar-kacir

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



- Pak Rahman mencacakkan _____ di tengah bendang itu untuk menakutkan burung-burung.
A anak-anak C jadi-jadian
B orang-orangan D kanak-kanak
- Puncak Gunung Kinabalu kelihatan _____ kerana dilitupi kabus yang tebal.
A berkepul-kepul
B berbalam-balam
C berderai-derai
D bergumpal-gumpal
- Nurul ditegur oleh ibunya kerana _____ di hadapan rakan-rakan ayahnya.
A ulang-alik
B lalu-lalang
C bolak-balik
D pindah-randah

Soalan 6 – 7

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa** atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

- Halaman rumah Pak Teh redup kerana banyak pepohon rendang di sekelilingnya.
A banyak pohon-pohon rendang
B banyak pohon rendang
C banyak pohon-pohon rendang
D banyak pepohon rendang
- Beberapa orang budak-budak laki-laki itu sedang membantu Pak Abu mengangkat bakul-bakul yang berisi durian itu ke bawah rumah.
A Beberapa orang budak laki-laki
B Beberapa orang budak-budak lelaki
C Beberapa budak-budak lelaki
D Beberapa orang budak-budak laki-laki

Soalan 8 – 10

Pilih ayat-ayat yang betul.

- I Sejak menggunakan baja kompos ini, tanam-tanaman Pak Muhid segar-bugar belaka.
II Semua kanak-kanak di bilik ini akan membuat persembahan sebentar lagi.
III Kami ketawa berdekah-dekah apabila mendengar cerita atuk yang lucu itu.
IV Mereka berbincang dan bertukar-tukar pendapat tentang kebaikan sains dan teknologi kepada manusia.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

9. I Rambut Anim sangat kusut-masai kerana ditiup angin.
II Perasaan saling hormat-menghormati dapat mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat.
III Betis Abu calar-balar selepas melalui kawasan yang bersema itu.
IV Danial Syahmi menyelak-nyelak majalah tentang sains angkasa itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

10. I Gigi Maisara rosak kerana dia suka makan gula-gula.
II Ayah akan tiba dari Kuala Lumpur selambat-lambatnya sejam lagi.
III Penduduk di kawasan perumahan itu saling bantu-membantu.
IV Saya selalu tertanya-tanya akan maksud kata-kata ibu tadi.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Murid-murid itu ditegur oleh Cikgu Hamdan kerana saling bertolak-tolakan semasa masuk ke dewan.

2. Banyak hidup-hidupan liar di dunia kian pupus kerana kerana aktiviti pemburuan haram.

3. Pegawai-pegawai dari Jabatan Kesihatan membuat pemeriksaan dari rumah ke rumah untuk mengesan sesiku ekor kes denggi kian meningkat di kawasan tersebut.

4. Encik Azhar mengupah seorang tukang kayu untuk menggantikan lelangit bumbung rumah neneknya.

5. Semua murid-murid sekarang hendaklah celik komputer supaya tidak ketinggalan dalam pelajaran.

6. Danial dan adiknya berkali-kali mandi-manda di kolam renang itu.

7. Encik Razali telah melunaskan semua hutang-hutang adiknya kepada Pak Mail semalam.

8. Dari jauh kami dapat melihat sampan Pak Hasan terlonjak-lonjak dipukul ombak.
